



#### Berita Harian Dan Utusan Malaysia Dominasi Anugerah Media UPM



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah merasmikan majlis Malam Bersama Media 2008 dan menyampaikan hadiah kepada semua pemenang kategori individu.

**KUALA LUMPUR, 16 Ogos** – Berita Harian dan Utusan Malaysia mendominasi Anugerah Media Universiti Putra Malaysia (UPM) 2007/2008 yang diadakan di Le Meridian Hotel Kuala Lumpur baru-baru ini.

Akhbar Berita Harian (BH) membolot lima anugerah (3 kategori individu dan 2 kategori organisasi) sementara akhbar Utusan Malaysia (UM) turut memenangi lima anugerah (4 kategori individu dan 1 kategori organisasi).

Dua kategori organisasi yang dimenangi oleh BH ialah Liputan Media Tertinggi Keseluruhan dan Liputan Media Berbahasa Melayu Tertinggi manakala akhbar The Star dan Sin Chew Daily, masing-masing memenangi Liputan Media Berbahasa Inggeris Tertinggi serta Liputan Media Berbahasa Mandarin Tertinggi.

Empat pemenang individu daripada Utusan Malaysia iaitu Rajmah Hasan muncul sebagai pemenang Berita Terbaik menerusi berita bertajuk 'UPM Hasilkan Baja Banyakkan Buah Sawit', Mohd. Khuzairi Ismail memenangi Rencana Terbaik melalui artikel bertajuk 'Teh Daripada Daun Sawit Penemuan Pertama Dunia', jurugambar Hayat Suetet memenangi Foto Terbaik dan Laupa Junus memenangi anugerah Penulis Rencana Produktif.

Tiga wartawan Berita Harian iaitu Khairul Anuar Abdul Samad memenangi Artikel Terbaik Aktiviti Mahasiswa, Rosniza Mohd Mohd. Taha memenangi Penulis Berita Produktif dan anugerah Wartawan Harapan dimenangi oleh Khairina Yasin.

Kesemua pemenang tersebut menerima wang tunai, sijil, trofi dan tiket menunggang kuda Unit Ekuin Taman Pertanian Universiti daripada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.



Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff telah menyampaikan hadiah kepada wartawan Berita Harian.

RTM pula memenangi Liputan TV Tertinggi melalui program Hello On Two, TV2 sementara sisipan Mega akhbar Utusan Malaysia mendapat Liputan Artikel Penyelidikan Tertinggi Keseluruhan.

Bagi kategori Penghargaan Juri, Penyelaras Penulis Akademik UPM Terbaik dimenangi oleh Santha Corjitham dari akhbar News Straits Times, Penulis Colour Story Terbaik dimenangi oleh Ahmad Syukran Zainuddin dari akhbar KOSMO! dan Siti Hazinda Tahir dari Sinar Harian memenangi Liputan Tertinggi Kenyataan Media.

Panel enam juri UPM terdiri daripada Prof Madya Dr. Sidek Ab. Aziz, Syed Agil Alsagoff, Saiful Nujaimi Abd. Rahman, Nazri Md Yasin, Sharil Nizam Sha'ri dan Khairul Anuar Muhamad Noh telah menilai sebanyak 1,320 artikel mengenai UPM di dalam media cetak yang tersiar sepanjang Julai 2007 hingga Jun 2008 dan bagi kategori organisasi dinilai melalui kiraan slot oleh agensi MediaBanc (M) Sdn. Bhd.

Anugerah media tersebut merupakan pertandingan yang diperkenalkan buat pertama kali oleh UPM dan dibuat serentak dengan Majlis UPM Bersama Media 2008 bagi mengiktiraf liputan pihak media terhadap UPM.

Kebanyakan pemenang yang ditemui merakamkan penghargaan buat UPM kerana mereka menyalakan anugerah untuk media tersebut adalah kali pertama dibuat oleh sesebuah institusi pengajian tinggi.

Seramai 150 orang tetamu jemputan, kebanyakannya wakil media telah menyaksikan majlis penganugerahan dan persembahan serta menikmati jamuan makan malam tersebut.

Majlis anugerah itu dianjurkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, pelajar tahun satu dan dua Bacekor Komunikasi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta Pusat Pembangunan Perniagaan UPM untuk menghargai serta mengiktiraf sumbangan media massa meningkatkan imej, identiti dan reputasi UPM.



*Antara wartawan yang hadir ke Malam Bersama Media di Le Meridean, Kuala Lumpur.*

**Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia